

5,000 penduduk 13 kampung tanggung risiko alami 'banjir termenung'

Pintu air perlu dibaiki segera

TUMPAT – Lebih 5,000 penduduk dari 13 buah kampung di sepanjang Sungai Golok di Pengkalan Kubor merayu pihak berwajib memperbaiki pintu air pasang surut yang didakwa menyebabkan berlakunya banjir teruk di kampung mereka setiap kali musim tengkujuh.

Antara kampung yang terlibat ialah Bendang Pak Yong, Naga Ibu, Kuala Jambu, Jejulok, Kubang Sawa, Telok Jering dan Pohon Nibong.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemaajuan Kampung Persekutuan Bendang Pak Yong, Ismail Awang Senik berkata, masalah tersebut sudah berlarutan sejak dua tahun lalu menyebabkan penduduk di sini berdepan dengan kejadian banjir akibat air lambat surut.

Menurutnya, pada asalnya pintu air itu dibina untuk mengelakkan air laut dari Kuala Tak Bai, Thailand masuk ke kawasan sawah padi di kampung sekitar apabila ber-

laku fenomena air pasang.

“Namun bila berlaku banjir, air tidak dapat keluar dan keadaan tersebut menyebabkan penduduk di sini berdepan dengan fenomena ‘banjir termenung’ (air tidak mengalir keluar).

“Jadi saya merayu kepada pihak berkenaan supaya segera membuka laluan air yang sudah tersekat sejak beberapa tahun tahun bagi mengelakkan masalah banjir terus berulang,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.



PENDUDUK bersama pegawai Jabatan Kerja Raya daerah Tumpat meninjau keadaan pintu air di Bendang Pak Yong, Tumpat semalam yang didakwa menyebabkan banjir di kampung di sekitar Sungai Golok, Pengkalan Kubor.